


# Laporan CSR 2012



*Linking your dreams*  
LINTEC Corporation

# Mesej daripada Presiden Korporat

**Kami akan terus kekal menjadi sanjungan kepercayaan masyarakat dengan menjalankan perusahaan yang bersesuaian dengan perubahan masa dan memenuhi keperluan pelanggan.**



**Akihiko Ouchi**

President and CEO  
LINTEC Corporation



Tahun lalu merupakan tahun di mana Jepun mengalami bencana alam yang tidak diduga sama sekali iaitu kejadian Gempa Bumi Jepun Timur yang dahsyat dan setelah itu ditimpa pula bencana Loji Kuasa Nuklear Fukushima Daiichi. Sementara usaha-usaha gigih untuk memulihkan keadaan sedang dijalankan di kawasan-kawasan yang menderita ditimpa bencana, kita jangan lupa bahawa ramai orang yang masih lagi tidak bertempat. Memandangkan perkara tersebut maka Lintec akan terus menghulurkan bantuan kepada kawasan-kawasan yang terlibat.

Sejak ditubuhkan dalam tahun 1927, Lintec telah menggunakan sehabis baik teknologi originalnya yang canggih dalam bidang pelekat untuk mencipta produk-produk yang membawa pembaharuan, yang memenuhi keperluan dunia. Hari ini, produk Lintec boleh dikatakan telah menyentuh setiap aspek kehidupan moden. Asas komitmen kami terhadap mutu ketukangan telah dinyatakan dalam moto syarikat kami "Keikhlasan dan Kreativiti". "Keikhlasan" di sini membawa erti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang dapat menguntungkan dan akan dihargai serta dapat dipadukan dengan keutuhan. "Kreativiti" pula membawa maksud sentiasa bekerja supaya dapat membuat perubahan dan menjadi bertambah baik lagi, dalam usaha untuk memperoleh nilai tambahan yang lebih besar. Amalan yang selari dengan moto syarikat Lintec merupakan semangat wajar tanggungjawab sosial korporat Lintec (CSR) dan amalan tersebut adalah prasyarat untuk terus kekal menjadi sanjungan kepercayaan masyarakat.

Dalam zaman yang mengalami perubahan yang begitu pesat sekali adalah amat penting melibatkan diri dalam perubahan sosial dan keperluan pelanggan, berada di satu tahap di hadapan, bekerja dengan pantas untuk merangsang permintaan baru dan membuat produk baru supaya syarikat dapat menikmati pertumbuhan yang kekal. Maka dengan itu, saya telah memasukkan ke dalam garis panduan pengurusan pada tahun ini, matlamat membuat

semua pekerja kumpulan mempunyai perasaan terlibat dalam pengurusan, membuat setiap seorang pekerja memiliki rasa penuh berkewajipan untuk menjadikan syarikat bertambah baik dan dapat bertindak sewajarnya. Setiap tahun kami mempunyai satu garis panduan pengurusan yang menyatakan keazaman untuk mengamalkan semangat CSR dengan bersungguh-sungguh dan sudah tentulah perkara ini bergerak maju ke hadapan.

Kumpulan Lintec percaya bahawa CSR harus dikemukakan bersama strategi perniagaan. Maka Kumpulan Lintec telah memasukkan satu jaminan untuk melaksanakan semua kegiatan korporat dengan komitmen ke dalam pengurusan dorongan-CSR di dalam Rancangan Pembaharuan Lintec yang ketiga (LIP-III), satu rancangan pengurusan tiga tahun dalam tempoh sederhana yang bermula dalam bulan April 2011. Perniagaan yang berdasarkan negara membangun serta masyarakat dan usaha menarik lebih ramai lagi peminat Lintec adalah amat penting untuk terus hidup dalam pasaran global yang berubah dengan pesat. Demi alasan tersebut, kami mengadakan taklimat CSR bagi setiap kumpulan syarikat di luar Jepun dan berusaha untuk menanam cara pemikiran CSR.

Akibat masalah hutang di Eropah dan kekukuhannya nilai yen yang berpanjangan, ekonomi dunia dan ekonomi Jepun, kedua-duanya menghadapi kesulitan. Walau bagaimanapun, untuk menjadikan situasi ini sebagai satu peluang, kami akan kembali semula pada moto syarikat kami "Keikhlasan dan Kreativiti" dan akan menggalakkan semangat tersebut di seluruh kumpulan, supaya mendapat pujian dan kepercayaan yang tinggi daripada semua pemegang amanah harta.

Laporan ini meringkaskan daya usaha CSR Kumpulan Lintec, tertumpu pada daya usaha yang dijalankan pada tahun lalu. Pemahaman anda terhadap usaha-usaha perniagaan kami merupakan perkara yang sangat penting bagi kami dan kami mengalu-alukan tinjauan semula serta penilaian yang ikhlas terhadap perkembangan kami.

## "Keikhlasan dan Kreativiti" adalah asas CSR Lintec

CSR Lintec berasaskan moto syarikat iaitu "Keikhlasan dan Kreativiti". Ini merupakan cita-cita ideal kami. "Keikhlasan" bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai. Dan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati. "Kreativiti" bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikan lebih baik lagi, mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo (apa yang ada). Menunjukkan keutuhan kepada semua pemegang amanah harta dan bertindak sendiri menghadapi cabaran-cabaran baru berulang kali dengan tekad untuk membuat pembaharuan adalah detik permulaan bagi pengilang berdedikasi terhadap mutu ketukangan. "Bermula dengan Keikhlasan dan kemudian menggunakan Kreativiti" merupakan pendekatan Lintec yang tidak berubah dan menjadi daya penggerak yang menguatkan pertumbuhan yang kekal.

### ■ Pendekatan-pendekatan asas CSR

Kumpulan Lintec menjalankan daya usaha selari dengan enam pendekatan asas, berasaskan moto syarikat iaitu "Keikhlasan dan Kreativiti".

Pelaksanaan etika dan pematuhan korporat dijalankan dengan teliti

Peningkatan kepuasan pelanggan

Kegiatan perusahaan yang mesra alam sekitar

Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan

Sumbangan-sumbangan sosial

Pengurusan yang berorientasikan pemegang saham dan pelabur

### ■ Pengurusan global CSR

Perniagaan Kumpulan Lintec disokong oleh ramai pemegang amanah harta, termasuk pelanggan, pembekal, pekerja, pemegang saham serta pelabur, masyarakat tempatan dan persekitaran global. Oleh kerana pemegang amanah harta menjadi lebih berbeza berserta dengan perkembangan global perniagaan syarikat, maka, pengurusan global CSR telah menjadi sangat penting. Oleh yang demikian, syarikat telah menyertai Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan April 2011. Tambahan pula, syarikat telah menjalankan pengurusan CSR sementara merujuk kepada standard antarabangsa ISO 26 000 berhubung dengan tanggungjawab sosial.

Kami akan cuba menjaga mutu produk dan memperbaik perkhidmatan demi memenuhi harapan pelanggan dan memperoleh kepercayaan.

Kami berharap untuk menikmati keharmonian di antara kegiatan korporat dan persekitaran global dan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu – Sepuluh Dasar	
● Hak Asasi Manusia	Dasar 1: Urus niaga harus menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia yang diisyiharkan di peringkat antarabangsa, dan Dasar 2: memastikan urus niaga tidak terlibat dalam penyalahgunaan hak asasi manusia.
● Tenaga Buruh	Dasar 3: Urus niaga harus mendukung kebebasan persatuan dan pengakuan yang hakiki berhubung dengan hak terhadap tawar-menawar kolektif; Dasar 4: pembasiman sebarang bentuk buruh paksaan dan buruh wajib; Dasar 5: penghapusan yang berkesan terhadap tenaga buruh kanak-kanak, dan Dasar 6: penghapusan diskriminasi dari segi pengambilan tenaga buruh dan pekerjaan.
● Alam Sekitar	Dasar 7: Urus niaga harus menyokong suatu pendekatan mencegah cabaran terhadap alam sekitar; Dasar 8: mengambil daya usaha untuk meningkatkan lagi tanggungjawab terhadap alam sekitar, dan Dasar 9: menggalakkan perkembangan dan penyebaran teknologi mesra alam sekitar.
● Antirasuah	Dasar 10: Urus niaga harus menentang rasuah dalam apa bentuk sekalipun, termasuk pemerasan, pemberian dan penerimaan rasuah.



# Berkongsi CSR Lintec bersama rakan sekerja di serata dunia



Kumpulan Lintec sedang menjalankan kegiatan-kegiatan yang dapat menanamkan semangat CSR berasaskan moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti", demi untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai sebuah syarikat yang global. Perkara ini bukan setakat melibatkan peraturan-peraturan berkomunikasi secara bertulis, tetapi kumpulan ini juga sedang memilih dengan teliti kegiatan-kegiatan di mana mereka dapat bersemuka dan dapat menyampaikan isi hati CSR.

## Mengamalkan CSR membawa kepada pengurusan yang lebih kukuh sebagai sebuah syarikat global.

### Hiroyuki Nishio

Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan, Pengurus Besar Pejabat Strategik Korporat dan Pejabat Pengurusan CSR

Moto syarikat Lintec, "Keikhlasan dan Kreativiti" merupakan detik permulaan semangat CSR di syarikat. "Keikhlasan" bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai, dan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati. "Kreativiti" bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikannya lebih baik lagi, mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo. Supaya dapat berkongsi cara pemikiran sedemikian bersama semua kakitangan kumpulan syarikat, maka, pada bulan November 2011, Lintec mula mengadakan taklimat CSR bagi 12 kumpulan syarikat di Asia. Pada tahun fiskal 2012 taklimat tersebut akan diadakan untuk lima buah syarikat di Amerika Syarikat dan Eropah. Semasa taklimat itu dijalankan, kami menerangkan moto syarikat, apa sebenarnya CSR dan menerangkan matlamatnya serta memberi beberapa contoh kegiatan.

Di dalam Kumpulan Lintec, setiap kumpulan syarikat di luar Jepun dapat memikirkan dan mempraktikkan idea mereka sendiri. Sebaliknya, kumpulan syarikat perlu mematuhi Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, yang mana kumpulan tersebut menyertainya dalam bulan April 2011.

Saya rasa yakin bahawa menerusi taklimat di dalam dan di luar Jepun, kami menerima pandangan yang sama dan mendapat persetujuan CSR Lintec, tidak kira agama dan kerakyatan. Dan lagi, mempromosi CSR telah meningkatkan peluang untuk berinteraksi di antara bahagian urus niaga dan pengurusan, yang mana saya jangkakan dapat menghasilkan perjalanan urus niaga yang lebih licin lagi.

Maju ke hadapan, kami akan menimbulangkan langkah-langkah yang kukuh, termasuk daya usaha yang sama di serata dunia. Dalam bahagian yang diberi penekanan ini, kami melaporkan bagaimana para pekerja kumpulan syarikat di serata dunia rasa tentang perkara ini dan menjadi komited kepada CSR semasa taklimat tersebut dijalankan.

## Pemikiran kakitangan yang bertanggungjawab terhadap CSR



China

Yoji Nagaoka

LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Lintec (Suzhou) Tech Corporation telah berkembang bersama negara China, begitu pantas maju ke hadapan di muka dunia. Demi untuk terus berkembang, kami akan menjalankan daya usaha CSR di seluruh negara dan akan berusaha bersungguh-sungguh agar menjadi sebuah syarikat yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat antarabangsa.



China

Hisao Morinaga

LINTEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD.

Tanggungjawab sosial setiap individu (PSR)\* adalah penting untuk membuat CSR. Kumpulan Lintec menjadi kenyataan berasaskan moto syarikat. Walaupun cara berfikir berbeza kerana alam sekitar dan kawasan di mana mereka dibesarkan adalah berbeza, kami akan menjalankan kegiatan yang dapat memberi kesedaran bersama, meskipun perkara ini memakan masa.



China

Tsuyoshi Kurita

LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (SHANGHAI), INC.

Saya fikir adalah baik untuk mengekalkan PSR, meletakkan asas untuk CSR dan maju ke langkah seterusnya. Demi tujuan tersebut, saya rasa adalah baik mempunyai peluang untuk mengenal pasti CSR dan memikirkan tentang kepentingannya.



Korea

Deok-Ryul Kim, Ji-Yeong Noh

LINTEC KOREA, INC.

CSR termasuk mengambil bahagian dalam kegiatan yang meninggalkan kesan terhadap semua kegiatan korporat. Di antara kegiatan ini, saya fikir kegiatan yang mewujudkan hubungan kepercayaan terutamanya sangat penting. Saya akan mengamalkan CSR, setiap kali memulakan satu kegiatan yang kecil, berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan hubungan kepercayaan dengan pemegang amanah harta.

\* PSR: Tanggungjawab sosial setiap individu. Tanggungjawab yang dipikul oleh setiap individu terhadap masyarakat.



### Korea

 **Dong-Kook Baek, Yu-Ra Han**  
**LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.**

Kegiatan korporat meninggalkan kesan terhadap hubungan kepercayaan dengan pemegang amanah harta. Hubungan yang sedia ada menjadi bertambah baik yang menyebabkan kami dapat menikmati pertumbuhan dan perkembangan yang kekal. Tidak terdapat sebarang had terhadap kegiatan yang membina hubungan kepercayaan. Adalah penting untuk terus berfikir dan bertindak secara autonomi.

### Korea

 **Jung-Mo Park**  
**LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (KOREA), INC.**

Setelah menghadiri taklimat CSR, saya dapat mengetahui bahawa asas CSR telah menjalankan tanggungjawab tertentu secara rutin. Mulai dari sini, saya hendak bergerak maju ke hadapan dari tingkah laku yang berasaskan PSR ke kegiatan CSR Lintec.

### Taiwan

 **Ching-Shyang Tsai**  
**LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.**

Mengapa CSR sangat perlu bagi sebuah syarikat adalah kerana ia meningkatkan kepercayaan pemegang amanah harta dan membawa kepada penimbunan kepercayaan sumber-sumber manusia. Mengamalkan CSR dapat membina alam sekitar yang baik bagi syarikat dan membolehkan pertumbuhan yang kekal bersama masyarakat.

### Taiwan

 **Thung-Chung Su**  
**LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.**

Di Taiwan, CSR bukannya satu istilah di mana ramai orang mengetahuinya. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya kegiatan CSR menarik perhatian seluruh dunia. Taklimat CSR yang diadakan di syarikat ini baru-baru ini akan mencetuskan peningkatan aktiviti yang berterusan dan perkara ini sebaliknya akan meningkatkan kesedaran pekerja.

### Malaysia

 **Yew Wooi Heang**  
**LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.**

Dahulu saya tidak boleh berkata bahawa para pekerja amat sedar akan CSR di Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, sejak taklimat CSR dijalankan, kami telah mula melaksanakan ceramah-ceramah CSR dan kempen pendidikan dan kini saya rasa bahawa kami telah menimbulkan kesedaran.

### Malaysia

 **Taeko Zeniya**  
**LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.**

Semasa taklimat CSR, kami mempunyai pekerja tempatan yang mempunyai kebolehan berbahasa Inggeris yang tinggi, menterjemahkan bahan-bahan di dalam bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, supaya pekerja-pekerja boleh memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan mengusahakan isu-isu CSR. Kami juga menambah penerangan tambahan dan berkongsi falsafah CSR.

### Singapore

 **Cindy Soh**  
**LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED**

Semasa taklimat CSR, saya dapat tahu bahawa PSR merupakan satu faktor penting untuk menuju ke arah matlamat CSR. Kami akan membangkitkan kesedaran bahawa pekerja mesti berfikir dari segi etika dalam semua tindakan mereka.

### Indonesia

 **Sitha Damayanti**  
**PT. LINTEC INDONESIA**

Seorang kawan karib saya sebenarnya seorang pengurus CSR dan baru-baru ini saya dapat tahu bahawa beliau sedang berusaha mendapat ijazah kedua dalam CSR. Kini saya sedar bahawa CSR semakin meluas, dan juga di Indonesia, dan saya akan berusaha bersungguh-sungguh mengerakkan daya usaha ke hadapan sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap CSR.



# Tema, Matlamat, Prestasi CSR

Supaya Lintec dapat mencapai pertumbuhan yang kekal bersama masyarakat, syarikat bukan sahaja mesti memastikan pematuhan yang sah, syarikat juga mesti melaksanakan pelbagai usaha untuk memenuhi permintaan masyarakat. Jawatankuasa yang terdiri daripada ahli organisasi silang bersesuaian dengan pendekatan-pendekatan asas CSR syarikat yang mempromosi kegiatan CSR.

## Tema, Matlamat, Prestasi CSR Tahun Fiskal 2011

Sebahagian besarnya sudah tercapai

Sudah tercapai

Belum tercapai

	Komitmen Asas	Tema	Matlamat Tahun Fiskal 2011	Prestasi Tahun Fiskal 2011
Eтика Korporat	Menganggap etika dan pematuhan korporat sebagai tema-tema pengurusan yang utama dan memastikan setiap pekerja sedar betapa pentingnya perkara tersebut dan mempraktikkannya setiap hari.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pekerja berkelakuan sebagai seorang warga yang baik dan mempunyai kesedaran diri</li> <li>• Berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat yang boleh dipercayai oleh masyarakat dengan memastikan pematuhan yang teliti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempertingkatkan etika menerusi rangka kerja penyertaan yang interaktif</li> <li>• Hendaklah dipatuhi dan disemak serta diubah peraturan pengurusan (kawalan maklumat, maklumat peribadi, rahsia perniagaan, dll)</li> <li>• Menjalankan aktiviti berdasarkan cadangan pekerja</li> </ul>	<input type="radio"/>
CS (Kepuasan Pelanggan)	Menyediakan bekalan produk yang stabil dan meningkatkan lagi pengurusan mutu dan perkhidmatan berasaskan konsep utama menjamin pelanggan terhadap kebolehpercayaan dan pelaksanaan tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan dan melaksanakan satu rancangan tindakan yang tertentu berasaskan Dasar Mutu Lintec dan Garis Panduan Tindakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencapai tindakan-tindakan kukuh, disediakan mengikut lapan Garis Panduan Tindakan di bawah konsep slogan kepuasan pelanggan, "Produk Lintec Membuat Semua Orang Gembira!" "Lintec Products make everybody happy!"</li> </ul>	<input type="radio"/>
Keselamatan, Pencegahan Bencana dan Kesihatan	Membina persekitaran tempat bekerja di mana para pekerja dapat bekerja dengan selamat, berasaskan konsep mempertingkatkan kepuasan pekerja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersedia untuk tindakan segera terhadap bencana alam semula jadi dan bencana yang berpunca dari manusia</li> <li>• Mewujudkan sistem pengurusan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja</li> <li>• Mewujudkan langkah-langkah untuk mencegah penyakit yang mudah berjangkit</li> <li>• Mewujudkan langkah-langkah menentang waktu bekerja yang panjang dan menggalakkan pengambilan cuti tahunan bergaji</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurangkan kerosakan akibat bencana alam semula jadi</li> <li>• Mewujudkan rancangan tindakan oleh setiap cawangan di luar negara</li> <li>• Mengamalkan sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan</li> <li>• Memelihara kesihatan mental para pekerja</li> <li>• Menubuhkan amalan tertentu berdasarkan rancangan tindakan melawan influenza yang baharu</li> <li>• Memastikan kedudukan semasa dan sebab-sebab waktu bekerja yang panjang</li> <li>• Memikirkan bagaimana hendak menggalakkan pengambilan cuti tahunan bergaji</li> </ul>	<input type="radio"/>
Sumbangan-sumbangan sosial	Sebagai seorang warga korporat yang baik terhadap masyarakat tempatan di mana kami beroperasi dan juga masyarakat antarabangsa, dapat menyelesaikan cabaran-cabaran sosial dan menjalankan aktiviti-aktiviti realistik yang menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang kekal.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti-aktiviti yang realistik</li> <li>• Aktiviti-aktiviti yang kekal</li> <li>• Aktiviti-aktiviti berdasarkan masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berinteraksi dengan masyarakat tempatan</li> <li>• Peningkatan dan penerusan kukuh aktiviti-aktiviti</li> <li>• Mempertingkatkan kesanggupan para pekerja untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dan menyokong penglibatan mereka</li> </ul>	<input type="radio"/>
Hubungan Pelabur (IR)	Mengendalikan pengurusan yang menitikberatkan pemegang-pemegang saham dan para pelabur dan mengambil langkah untuk menaikkan lagi jenama korporat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan penilaian dalam pasaran saham (penentuan harga saham yang wajar) dan berusaha untuk meningkatkan lagi nilai korporat dan pemegang saham</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memupuk dan mengukuhkan hubungan dengan para pelabur dan juruanalisis pemegang saham</li> <li>• Mengukuhkan hubungan dengan para pelabur</li> <li>• Meningkatkan pengiktirafan nama dan mengukuhkan komunikasi</li> </ul>	<input type="radio"/>
Perlindungan Alam Sekitar	Sebagai sebuah pengilang bahan yang menjalankan aktiviti seluruh syarikat dalam pengeluaran, R&D, dan bahagian-bahagian lain berdasarkan prinsip mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan menggunakan sumber-sumber dengan berkesan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan pematuhan yang rapi</li> <li>• Mempertingkatkan pendidikan dan PR yang berkaitan dengan alam sekitar</li> <li>• Memelihara biodiversiti</li> <li>• Memajukan produk mesra alam sekitar</li> <li>• Mengurangkan pengeluaran CO<sub>2</sub></li> <li>• Mengurangkan penggunaan tenaga</li> <li>• Memastikan pengurusan yang rapi terhadap bahan-bahan kimia</li> <li>• Mengurangkan pelepasan VOCs ke udara</li> <li>• Mengurangkan kos pembuangan bagi bahan buangan perusahaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan kedudukan menerusi audit dalam bersama dan membuat perbaikan</li> <li>• Menjalankan usaha membina kesedaran dan memberi pendidikan ke seluruh syarikat mengenai kegiatan-kegiatan alam sekitar</li> <li>• Menjalankan usaha membina kesedaran dan memberi pendidikan mengenai biodiversiti</li> <li>• Membina 8 produk berdasarkan standard LCA</li> <li>• Matlamat: 181 000 ton setahun</li> <li>• Memperbaik 1% dalam setiap unit penggunaan tenaga (berbanding dengan tahun fiskal 2010)</li> <li>• Audit lima pembekal</li> <li>• Matlamat: 1 000 ton setiap tahun</li> <li>• Matlamat: ¥ 185 juta</li> </ul>	<input checked="" type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>



**Hiroyuki Nishio**  
Pengarah,  
Pegawai Eksekutif Urusan

Semua kakitangan kumpulan tersebut mesti memahami dan mengamalkan semangat CSR supaya dapat memenuhi harapan masyarakat global. Dalam tahun fiskal 2011, kami berusaha mematuhi standard global, termasuk menyertai Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan menggunakan ISO 26 000. Dan lagi, dalam tahun fiskal 2012 kami mengadakan taklimat CSR untuk berkongsi kepentingan moto syarikat kami dan juga kegiatan CSR bersama kumpulan syarikat-syarikat di luar Jepun.

Aktiviti-aktiviti Utama Tahun Fiskal 2011	Komen daripada pegawai yang bertanggungjawab
<ul style="list-style-type: none"> <li>Telah menerbitkan ruangan berita etika <i>Rinri Kawaraban</i> jilid 5</li> <li>Telah menerbitkan buku kecil, Garis Panduan Pematuhan dalam pelbagai bahasa.</li> <li>Telah menubuhkan dan mempraktikkan peraturan-peraturan pengendalian berhubung dengan keselamatan maklumat di setiap kawasan perniagaan</li> </ul>	<p><b>Kenji Kobayashi</b> Pegawai yang bertanggungjawab meningkatkan etika syarikat (Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)</p> <p>Dalam usaha untuk mengekalkan etika korporat dan mengelakkan masalah, sebagai tambahan untuk mempunyai sistem berada di tempatnya, setiap seorang pekerja yang menjalankan sistem itu perlu memiliki perasaan keikhlasan yang mendalam. Kami akan berusaha bersungguh-sungguh lagi untuk menyebarkan maklumat dan meningkatkan kesedaran standard etika di masa akan datang.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Telah menyediakan pembelajaran elektronik Kursus teknik statistik yang kedua: penyertaan 74% Kursus tinjauan semula corak rekaan yang kedua dan ketiga: penyertaan 74%</li> <li>Telah menjalankan soal selidik pekerja mengenai budaya korporat</li> <li>Telah menyediakan rancangan pendidikan berdasarkan pangkat yang mensistemkan pendidikan berdasarkan jawatan dan fungsi</li> </ul>	<p><b>Makoto Iiumi</b> Pegawai yang bertanggungjawab meningkatkan kepuasan pelanggan (Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)</p> <p>Selari dengan slogan, "Produk Lintec Membuat Semua Orang Gembira!" "Lintec Products make everybody happy!" kami akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi permintaan pelanggan, mengambil tindakan mengikut Dasar Mutu dan Persekitaran Lintec, berkongsi maklumat di dalam syarikat, dan bekerjasama dengan para pembekal.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Telah menubuhkan dan mengagihkan garis panduan mencegah bencana sebagai gerak balas terhadap Gempa Bumi Jepun Timur yang dahsyat itu dan melaksanakan soal selidik dalaman</li> <li>Telah menyemak peraturan pengurusan krisis di luar Jepun dan telah menyediakan serta mengagihkan buku kecil garis panduan bagi pekerja Jepun yang dihantar bekerja di luar Jepun atau yang pergi ke negara asing atas urusan perniagaan</li> <li>Telah melaksanakan audit keselamatan bersama sebagai sebahagian daripada sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan</li> <li>Telah menyediakan dan mengagihkan risalah pemberitahuan tentang bantuan kesihatan mental</li> <li>Telah menjalankan kajian terhadap kedudukan bekerja waktu yang panjang dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan</li> <li>Telah menjalankan kajian terhadap kedudukan semasa cuti tahunan dan telah menggalakkan pengambilan cuti bergaji tahunan</li> </ul>	<p><b>Koji Koyama</b> Pegawai yang bertanggungjawab mempertingkatkan Keselamatan, Pencegahan Bencana dan Kesihatan (Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)</p> <p>Kami akan terus membina persekitaran pekerjaan berdasarkan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk memastikan kami memiliki persekitaran di mana semua kakitangan di dalam Kumpulan Lintec dapat bekerja dengan selesa dari segi keselamatan dan kesihatan, dan dengan fikiran yang tenang.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghulurkan bantuan kewangan kepada mangsa Gempa Bumi Jepun Timur yang dahsyat itu</li> <li>Mengendalikan gerakan pembersihan masyarakat</li> <li>Mengambil bahagian dalam kempen menentang jenayah terancang setempat di Itabashi</li> <li>Berusaha menghulurkan bantuan kepada insan yang kurang upaya</li> <li>Menerima sejumlah 896 orang pelawat bagi lawatan ke loji dan kemudahan-kemudahan di empat buah kawasan perniagaan</li> </ul>	<p><b>Koji Ichihashi</b> Pegawai yang bertanggungjawab mempertingkatkan Sumbangan-sumbangan Sosial (Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)</p> <p>Kami menghargai masyarakat tempatan dan melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan sumbangan sosial di dalam dan di luar Jepun dalam usaha untuk membuktikan harapan ramai terhadap kami sebagai ahli masyarakat. Dari detik ini kami akan terus memikirkan bagaimana syarikat ini dapat memberi sumbangan dalam menyelesaikan isu-isu sosial dan bertindak sewajarnya.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Telah mengadakan lebih daripada 300 mesyuarat IR dan telah menerima temu ramah dengan para pelabur keinstitusian dan juruanalisis sekuriti di Jepun.</li> <li>Telah melawat 5 buah bandar raya di Amerika Syarikat dan 7 buah bandar raya di Eropah untuk bertemu dengan para pelabur keinstitusian</li> <li>Telah mengambil bahagian dalam 3 kegiatan IR dan telah mengadakan mesyuarat IR di Jepun bagi para pelabur yang datang dari luar Jepun.</li> <li>Mengadakan taklimat bagi pelabur individu</li> <li>Menambah bekalan maklumat menerusi surat berita dan laman sawang IT pemegang saham</li> </ul>	<p><b>Hitoshi Asai</b> Pegawai yang bertanggungjawab mempromosikan IR (Pengarah, Pegawai Kanan Eksekutif Urusan)</p> <p>Memberi maklumat yang tepat kepada pemegang saham dan pelabur dengan cara yang adil dan kena pada waktunya merupakan langkah pertama untuk memperoleh kepercayaan mereka. Kami pasti akan menjalankan daya usaha IR dan membina hubungan kepercayaan yang lebih kuat lagi.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Telah menjalankan audit undang-undang alam sekitar di semua kawasan</li> <li>Telah mengedarkan 30 buah isu <i>Eco News</i> dan mengadakan program pembelajaran elektronik</li> <li>Telah menyertai lawatan ke kawasan hutan dan telah meningkatkan kesedaran menerusi <i>Eco News</i></li> <li>Telah mencapai matlamat dengan membina 15 produk berdasarkan standard LCA</li> <li>Telah mencapai matlamat dengan jumlah lebih kurang 169 000 ton setahun</li> <li>Tidak mencapai matlamat dengan penurunan 0.6% berbanding dengan tahun fiskal 2010</li> <li>Telah mencapai matlamat berjaya menjalankan 5 audit</li> <li>Telah mencapai matlamat dengan pengeluaran VOC lebih kurang 908 ton</li> <li>Telah mencapai matlamat dengan jumlah ¥171 580 000</li> </ul>	<p><b>Yoshiyuki Yamato</b> Pegawai yang bertanggungjawab terhadap Perlindungan Alam Sekitar (Pegawai Eksekutif Urusan)</p> <p>Kumpulan Lintec mempunyai matlamat untuk memelihara alam sekitar dengan menggunakan apa cara sekali pun, dari mengurangkan kesan alam sekitar dalam kegiatan-kegiatan perniagaan hingga membangun produk-produk mesra alam sekitar. Kami telah menetapkan matlamat berangka bukan sahaja terhadap pengurangan pengeluaran CO<sub>2</sub>, jumlah banyaknya buangan, dan bahan-bahan yang berbahaya terhadap alam sekitar, tetapi juga dalam membina produk-produk mesra alam sekitar. Kami berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat tersebut.</p>

# Pengurusan CSR

Benar terhadap keunggulan moto syarikat ini, "Keikhlasan dan Kreativiti", Kumpulan Lintec berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua usaha korporat dihormati sepenuhnya. Di bawah ini adalah laporan mengenai usaha-usaha Kumpulan Lintec dan mengenai sistem-sistem yang membolehkan idea tersebut dipraktikkan dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

## ■ Pentadbiran Korporat

Kumpulan Lintec menganggap asas pentadbiran korporat adalah amalan pematuhan yang teliti dan lengkap, pengurusan ketara yang maksimum, kesedaran terhadap etika korporat, membuat keputusan dengan pantas, dan pentadbiran cekap terhadap kegiatan perniagaan. Kumpulan Lintec berazam untuk meningkatkan nilai korporat dan memenuhi kepentingan pemegang amanah harta dengan membuat pentadbiran korporat terus menerus menjadi bertambah baik.

## ■ Pematuhan

Berasaskan moto syarikat, "Keikhlasan dan Kreativiti," setiap seorang pekerja dalam Kumpulan Lintec berusaha bersungguh-sungguh mengamalkan pengawasan terhadap diri sendiri dengan berhati-hati. Demi ke arah itu, syarikat berusaha bersungguh-sungguh untuk menanamkan pemusatan fikiran pada pematuhan menerusi Garis Panduan Pematuhan sendiri, yang meringkaskan tingkah laku contoh, dan menerusi buku kecil ruangan berita etika *Rinri Kawaraban* yang mudah diperoleh. Tambahan lagi, dalam bulan Februari 2012, suatu kajian soal selidik mengenai perkara-perkara seperti gangguan yang berkali-kali, tindakan hemat, dan pendedahan maklumat yang sewajarnya telah diberikan kepada 414 orang pegawai dan pengurus dan memperoleh kadar gerak balas 68.6%. Hasilnya telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Penilaian Risiko, yang telah menggunakan laporan tersebut dengan berkesan dalam kempen membina kesedaran dalam syarikat.



Garis Panduan Pematuhan telah diterbitkan dalam enam bahasa: bahasa Jepun, bahasa Inggeris, bahasa Korea, bahasa Cina yang mudah dan yang tradisi, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.



Jilid 5 buku kecil "Lintec Rinri Kawaraban mamotte masuka!?" telah diterbitkan.

## ■ Sistem Jaminan Mutu

Bagi tahun fiskal 2011, Kumpulan Lintec telah memperoleh pengiktirafan ISO 9001<sup>\*1</sup> bagi 11 buah kawasan perniagaan dan kumpulan syarikat di Jepun, dan juga 10 kumpulan syarikat di luar Jepun. Lintec meneruskan usaha terhadap pengurusan mutu produk dan mempertingkat mutu. Kumpulan ini juga telah memulakan kegiatan pemerolehan pengiktirafan integrasi dan akan membina sebuah sistem yang bermatlamat meningkatkan lagi kepuasan pelanggan.

### Syarat pemerolehan pengiktirafan integrasi ISO 9001

	Tahun Fiskal 2009	Tahun Fiskal 2010	Tahun Fiskal 2011
Jumlah pengiktirafan integrasi yang diperoleh	19	19	21

## ■ Urus niaga yang adil

Dasar asas Kumpulan Lintec adalah memberi peluang yang sama kepada semua pembekal di dalam dan di luar Jepun, dan mengendalikan pemerolehan yang adil dan ketara. Dengan mengendalikan pemerolehan yang sesuai, yang mencerminkan keperluan pelanggan, Lintec juga dapat meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan dengan pembekalnya. Dan dengan melakukan penilaian yang betul terhadap pembekal, kumpulan ini juga sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk terus maju ke hadapan dan mengekalkan hubungan kepercayaan dengan pembekal.

## ■ Menghormati Perbezaan dan Hak Asasi Manusia

Kakitangan Kumpulan Lintec di 9 buah syarikat di Jepun dan 24 buah syarikat di luar negeri (termasuk syarikat yang bergabung dan yang tidak bergabung) berusaha bersama di bawah moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti". Agar semua pekerja merasai bahawa pekerjaan mereka sama-sama mendatangkan kepuasan, Kumpulan Lintec memastikan supaya mereka menghormati perbezaan<sup>\*2</sup> setiap pekerja dan mengelakkan sebarang perlakuan diskriminasi berdasarkan bangsa, fahaman, jantina, pendidikan, kerakyatan, agama atau umur. Kumpulan ini juga telah menyertai Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun 2011, yang ditubuhkan atas dasar prinsip melarang buruh paksa atau buruh kanak-kanak, dan membantu meningkatkan keberkesanannya. Matlamatnya adalah supaya semua pekerja Lintec menghormati satu sama lain dan meneruskan pertumbuhan diri sendiri.

### Menghormati Hak Asasi Manusia dalam Pengurusan Buruh

Kumpulan Lintec meletakkan pematuhan pada teras kegiatan perniagaannya. Dalam bidang perekrutan dan pekerjaan, kumpulan ini menjalankan pengurusan buruh yang mematuhi undang-undang dan peraturan buruh, termasuk larangan diskriminasi yang tidak adil, buruh kanak-kanak dan gangguan yang berkali-kali.

## ■ Sistem Pengurusan Alam Sekitar: Usaha-usaha untuk memperoleh pengiktirafan integrasi

Kumpulan Lintec telah memulakan usaha untuk memperoleh pengiktirafan integrasi sistem pengurusan alam sekitar berdasarkan ISO 14 001 pada bulan Mac 2006. Ibu pejabat syarikat, sepuluh buah loji di Jepun, Pusat Penyelidikan, dan Tokyo Lintec Kako, Inc. menjalankan satu sistem bersepada. Dalam bulan Mei 2010, Lintec (Suzhou) Tech Corporation telah bersepada, diikuti pula oleh Lintec (Tianjin) Industry Co., Ltd. dalam bulan Mac 2011 dan seterusnya PT. Lintec Indonesia, Lintec Korea, Inc., serta Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd. dalam bulan Mac 2012. Kumpulan ini akan terus cuba mendapatkan pemerolehan pengiktirafan integrasi global ISO 14001<sup>\*3</sup> untuk kumpulan syarikat di luar Jepun.

\*1ISO9001: Sistem pengurusan mutu standard global.

\*2Menghormati perbezaan: Dengan menghormati perbezaan antara kita sesama manusia atau antara kumpulan, orang yang layak berada di tempat yang sewajarnya boleh menunjukkan kebolehan seseorang itu, masalah

boleh diselesaikan dari pelbagai sudut dan dapat menggalakkan penghasilan idea yang unik.

\*3Pengiktirafan integrasi global ISO 14001: pengiktirafan ISO 14001 dengan penggabungan beberapa kawasan perniagaan di seluruh dunia sebagai sebuah organisasi tunggal.

# Komunikasi CSR

Apakah yang diharapkan oleh masyarakat dari Lintec dan apa pula tindakan syarikat? Komunikasi yang berterusan dengan pemegang amanah harta adalah perlu untuk menjawab soalan ini. Laporan kami berhubung dengan aktiviti sumbangan sosial yang dijalankan untuk tahun 2011 adalah seperti berikut:

## ■ Menyertai pameran di dalam dan di luar Jepun

Supaya dapat berkomunikasi dengan lebih ramai pelanggan lagi, Lintec bergiat sungguh menyertai pameran yang diadakan di dalam dan di luar Jepun. Dalam tahun fiskal 2010, Lintec telah menyertai 36 buah pameran kesemuanya dan telah menerima maklum balas yang bernilai mengenai produk dan teknologinya.



Menyertai Pameran Seni Lukisan Grafik Antarabangsa, "IGAS\*1 2011"

## ■ Komunikasi dengan masyarakat daerah

### Kegiatan Pemuliharaan Alam Sekitar Tempatan di Malaysia

Di Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd., jawatankuasa mempromosi pendidikan ISO iaitu sebahagian dari sistem pengurusan alam sekitar menjalankan berbagai kegiatan untuk melindungi alam sekitar tempatan. Dalam tahun fiskal 2011, jawatankuasa tersebut telah menjalankan kegiatan-kegiatan berikut.

- Telah mengundang pegawai Kementerian Alam Sekitar untuk memberi ceramah dalam syarikat
- Telah mengatur pekerja mengambil bahagian dalam kegiatan membersihkan Pulau Pinang, "Pulau Pinang Semakin Bersih, Semakin Hijau" yang ditaja oleh kerajaan negeri Pulau Pinang.



- Mengadakan pertandingan melukis poster alam sekitar di dalam syarikat untuk mempromosi kesedaran terhadap alam sekitar

### Kegiatan Masyarakat Tempatan di Singapura

Setelah Lintec Singapore Private Limited memberitahu kakitangannya mengenai peluang membuat kerja sukarela, sejumlah 66 orang pekerja telah bersetuju, melibatkan diri dalam kerja sukarela di dua buah rumah kebajikan orang tua kawasan itu. Sukarelawan tolong membersihkan tingkap, berkebun, merancang acara seperti menyanyi, main bingo dan memberi bantuan semasa waktu makan dan juga memberi hadiah yang sesuai kepada penghuni di situ. Kakitangan rumah kebajikan orang tua di situ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, dan ini menunjukkan betapa seronoknya penghuni di situ menerima kunjungan tetamu sukarelawan tersebut.



Kakitangan syarikat juga melibatkan diri dalam acara tersebut

## ■ Komunikasi CSR

Supaya dapat berkomunikasi dengan kegiatan CSR syarikat, Kumpulan Lintec juga mengeluarkan versi Laporan CSR dalam bentuk PDF yang telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa asing untuk anggota gabungan di luar Jepun. Selain daripada terjemahan lengkap laporan original bahasa Jepun ke bahasa Inggeris, petikan-petikan dari naskah original juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Korea, bahasa Cina yang mudah dan tradisi, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, untuk diagihkan ke 17 buah kawasan di luar negeri. Dalam tahun fiskal 2011, taklimat CSR untuk pekerja telah diadakan di kumpulan syarikat di luar Jepun. (Sila lihat Ciri Istimewa muka surat 4 – 5). Pertemuan ini membolehkan kumpulan ini berkongsi satu kesedaran tentang daya usaha CSR syarikat, bukan sahaja di Jepun tetapi di seluruh dunia. Lintec akan terus memastikan kesedaran CSR benar-benar menyeluruh di dalam kumpulan di dalam semua bidang, termasuk mutu dan keselamatan, keselamatan maklumat dan etika korporat.



Taklimat di PT. Lintec Indonesia

## ■ Komunikasi dengan pemegang saham dan pelabur

### Promosi hangat terhadap kegiatan IR\*2

Lintec menjalankan pelbagai daya usaha IR bertujuan mencapai penentuan harga saham yang berpatutan dan demi meningkatkan nilai korporat.

Bagi pelabur keinstitusian dan jurnal analisis pemegang saham di Jepun, syarikat mengadakan pertemuan IR dan menerima temuramah media sebanyak lebih kurang 300 kali dalam setahun. Taklimat perniagaan dan lawatan ke kemudahan syarikat juga dibenarkan jika diminta oleh mereka. Selain pertemuan di Jepun dan persidangan telefon, syarikat juga tidak henti-henti membuat lawatan bertemu dengan pelabur keinstitusian di luar Jepun. Syarikat juga menjemput pelabur ini mengambil bahagian dalam acara IR di Tokyo, yang diatur oleh syarikat pemegang saham bagi pelabur di luar negeri. Dalam tahun fiskal 2011, Lintec telah mengadakan lebih daripada 100 pertemuan bersama pelabur asing, termasuk lawatan IR ke lima buah bandar raya di Amerika Utara dan tujuh buah bandar raya di Eropah.

Supaya pelabur dan pemegang saham individu boleh memahami Lintec dengan lebih baik lagi, syarikat juga telah menerbitkan majalah empat kali setahun. Majalah tersebut mengandungi maklumat kewangan, strategi perniagaan dan juga maklumat produk. Setahun sekali soal selidik untuk pembaca juga telah dimuatkan di dalam majalah tersebut. Maklum balas yang diterima digunakan untuk membuat isi kandungan majalah itu menjadi lebih baik lagi dan begitu juga dengan data usaha IR Lintec.



Taklimat Perniagaan (Disember 2011)

\*1 IGAS adalah penyingkatan untuk Pameran Seni Lukisan Grafik Antarabangsa

\*2 IR (hubungan pelabur): Aktiviti syarikat menyediakan pengurusan, kewangan, pelaksanaan perniagaan, dan maklumat korporat lain untuk para pemegang saham dan para pelabur.

# Laporan Alam Sekitar

## Aktiviti-aktiviti alam sekitar 8 buah syarikat kumpulan luar negeri

Kumpulan Lintec berusaha mengadakan kegiatan melindungi alam sekitar di kumpulan syarikat di luar Jepun untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai sebuah syarikat global.



### 1 LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Syarikat ini menerima panduan dari Biro Perlindungan Alam Sekitar Suzhou untuk memasang tangki air buangan kecemasan bagi menghalang pembuangan bertujuan untuk memadamkan kebakaran di loji tersebut (dengan muatan air yang boleh membekalkan pili bomba selama tiga jam) dan mencegah buangan pelarut ke luar kawasan. Oleh yang demikian, syarikat ini telah memasang sebuah tangki air muatan 410-m<sup>3</sup> di kedua-dua buah bangunan loji itu. Pengawalan mutu air bagi efluen telah menjadi lebih ketat di China, dan kini memerlukan lebih banyak perawatan efluen berbanding dahulu.



Pembinaan tangki air buangan kecemasan untuk menghalang pembuangan

#### Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi: Daerah Baru Suzhou, Wilayah Jiangsu, China

Jumlah Pekerja: 220 orang (mulai 31hb Disember 2011)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan bahan-bahan pencetakan, bahan-bahan perusahaan, produk yang berkaitan dengan kertas dan pemprosesan

### 2 LINTEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD.

Pada 13hb April 2012, syarikat ini telah mengambil bahagian dalam latihan memadamkan kebakaran dan latihan memungkah hos yang diadakan oleh Jabatan Bomba tempatan. Latihan tersebut dijalankan bersama 10 buah syarikat dari kawasan industri yang sama dan 18 buah syarikat dari kawasan industri yang lain. Syarikat tersebut akan berinteraksi dengan masyarakat menerusi penglibatan dalam kegiatan ini dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menubuhkan satu rangka kerjasama yang lebih baik lagi.



Latihan memadamkan kebakaran telah diadakan di kawasan Loji Tianjin.

#### Gambaran Keseluruhan Syarikat

Location: Nankai District, Tianjin, China

Jumlah Pekerja: 237 orang (mulai 31hb Disember 2011)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan bahan-bahan pencetakan dan bahan-bahan perusahaan

### 3 LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Dalam tahun fiskal 2010, syarikat ini telah memasang alat penyukat dan pengawasan automatik untuk VOCs dan telah melaporkan hasilnya kepada pihak Pentadbiran Perlindungan Alam Sekitar sekali setiap tahun. Syarikat ini juga mengurangkan penjanaan bahan buangan dengan menambah kadar hasil dalam proses pengeluaran dan mengitar semula sumber-sumber menerusi pengasingan. Dalam tahun fiskal 2012, pencahayaan LED pula telah digunakan. Syarikat ini berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik.



Bahan buangan diasingkan untuk dipungut dan dikitar semula

#### Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi: Shanhua District, Tainan City, Taiwan

Jumlah Pekerja: 96 orang (mulai 31hb Disember 2011)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

### 4 LINTEC KOREA, INC.

Lintec Korea, Inc. telah memasang alat pengawasan tenaga elektrik puncak untuk mengurangkan tenaga elektrik peti sejuk yang digunakan dalam musim panas, semasa penggunaan tenaga elektrik paling tinggi. Pelarasan telah dibuat untuk mengutamakan alat penyaman udara, supaya tenaga elektrik yang digunakan tidak melebihi tenaga elektrik puncak yang telah dipasang. Usaha ini telah menjimatkan pembayaran bil elektrik sebanyak 8 juta won setiap tahun bagi tahun fiskal 2011.



Skrin monitor pada alat pengawasan elektrik puncak yang telah dipasang

#### Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi: Cheongwon-Gun, Chungcheongbuk-Do, Utara Korea

Jumlah Pekerja: 94 orang (mulai 31hb Disember 2011)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik


## Data Pelaksanaan Alam Sekitar dalam Tahun Fiskal 2011

Tempoh: 1hb Januari 2011 hingga 31hb Disember 2011


### Jumlah yang dikendalikan dan pengeluaran VOC



### Penggunaan Kuasa Elektrik



### Bahan api (Minyak Ringan dan Gas Asli) Penggunaan (Penukaran Minyak Mentah)



Perhatian: 1. VOCs = toluene dan methyl ethyl ketone

2. Angka-angka yang ditentukan dalam Artikel 4 penguatkuasaan peraturan Akta Pemuliharaan Tenaga, Jepun digunakan untuk nilai kalori setiap bahan api yang digunakan untuk mengira persamaan minyak mentah bahan api yang telah digunakan.

3. LSFT = Lintec Speciality Films (Taiwan), Inc. LSFK = Lintec Speciality Films (Korea), Inc.

## 5 LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Pada 6hb April 2012, syarikat ini telah mengambil bahagian di dalam acara kempen mencantikkan alam sekitar yang diadakan di Taman Industri Poseung. Syarikat-syarikat yang terletak di dalam kawasan industri ini telah mengambil bahagian secara sukarela dengan tujuan menguruskan alam sekitar taman tersebut. Syarikat ini berusaha membina hubungan kepercayaan dengan masyarakat dengan mengambil bahagian di dalam kegiatan mencantikkan alam sekitar seperti ini.



Mengambil bahagian di dalam kempen mencantikkan alam sekitar Taman Industri Poseung

### Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi: Pyeongtaek, Wilayah Gyeonggi, Korea

Jumlah Pekerja: 117 orang (mulai 31hb Disember 2011)

Aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

## 7 LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Dalam bulan November 2011, syarikat ini telah menjalani kajian semula untuk memperoleh pengiktirafan integrasi global ISO 14001, yang mana berjaya diperoleh dalam bulan Mac 2012. Kaktangan syarikat ini mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar dan telah menjalankan pelbagai daya usaha alam sekitar. (lihat muka surat 19)



Pemerolehan pengiktirafan integrasi global ISO 14001 Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd.

### Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi: Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia

Jumlah Pekerja: 93 orang (mulai 31hb Disember 2011)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

## 6 PT. LINTEC INDONESIA

Dalam bulan November 2011, syarikat ini telah menjalani kajian semula untuk memperoleh pengiktirafan integrasi global ISO 14001, yang mana berjaya diperoleh dalam bulan Mac 2012. Mulai dari sini, syarikat ini akan berkongsi maklumat dengan teliti, dengan kawasan integrasi yang lain dan akan memajukan daya usaha ke arah melindungi alam sekitar.



Pemerolehan pengiktirafan ISO 14001 PT. Lintec Indonesia

### Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi: Bogor, Java Barat, Indonesia

Jumlah Pekerja: 344 orang (mulai 31hb Disember 2011)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan bahan-bahan pencetakan dan bahan-bahan perusahaan

## 8 LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Syarikat ini berazam memperoleh pengiktirafan integrasi global ISO 14001 dalam tahun fiskal 2012. Syarikat ini telah mengamalkan penggunaan semula bahan untuk membungkus dengan rela hati dan mempunyai kesedaran alam sekitar yang meningkat, termasuk mengurangkan penjanaan buangan.



Aktiviti pembersihan yang dijalankan di kilang pada setiap pagi

### Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi: Kuching, Sarawak, Malaysia

Jumlah Pekerja: 25 orang (mulai 31hb Disember 2011)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

# Pendapat Pihak Ketiga

**Hiroyuki Tada**

Japan for Sustainability

Ketua Pengarah NPO, Japan for Sustainability, profesor pelawat di Universiti Hosei, profesor di Sekolah Siswazah Pengajian Alam Sekitar di Universiti Tohoku, dan ahli jawatankuasa di berbagai agensi kerajaan.



Saya telah membaca Laporan CSR Lintec 2012 di samping laporan-laporan yang terdahulu. Laporan tersebut menggambarkan bahawa syarikat berterusan menyemaikan benih kegiatan CSR dengan tekun selangkah demi selangkah, dan berusaha untuk membatinkan CSR di dalam perniagaannya.

Ciri "bottom-up" CSR telah dijelaskan sehabis baiknya di dalam lingkungan kawasan ibu pejabat, terima kasih kepada peranan "keikhlasan" dalam moto syarikat. Oleh itu, mengadakan taklimat untuk kumpulan di luar Jepun, di mana telah mencapai 33 peratus jualan, dapat dirasakan sebagai satu usaha yang kena pada sasarnanya. Hanya dengan menghantar laporan CSR dan dokumen-dokumen lain tidak akan meresapi CSR itu. Mengadakan taklimat, sambil mempertimbangkan ciri-ciri unik setiap kawasan, adalah satu perkara yang baik, mahupun di dalam pertimbangan pentadbiran ibu pejabat sekarang. Saya juga merasakan bahawa menyertai Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, merupakan satu langkah yang betul, oleh kerana syarikat ini sekarang telah memperluas perniagaannya ke seluruh dunia sebagai sebuah syarikat global. Perkara ini sepatutnya menjadi asas kerana memiliki kesedaran CSR yang sama, lebih-lebih lagi buat negara-negara selain Jepun.

Berhubung dengan pentadbiran korporat, syarikat telah mewujudkan talian-bantuan, tetapi adalah lebih baik mendedahkan berapa banyak rundingan yang diterima dan bagaimana syarikat memberikan respons. Komunikasi dengan pembekal dan pekerja dapat difahami dengan jelas dari Laporan Sosial, tetapi arah aliran sosial mengintegrasikan maklumat kewangan dan maklumat bukan

kewangan adalah makin cepat, maka saya fikir usaha diperlukan di masa akan datang untuk memasukkan CSR ke dalam maklumat IR sebagai sebahagian daripada komunikasi bersama pemegang saham dan pelabur. Bagi Laporan Alam Sekitar pula, pengurangan CO<sub>2</sub> merupakan isu penting dan saya hendak melihat syarikat menjadi mantap dan berusaha ke arah matlamat jangka sederhana ke jangka panjang untuk pengeluaran sepenuhnya. Saya juga hendak mendengar suara hati mereka yang dari bahagian perancangan dan reka bentuk produk tentang betapa mesranya alam sekitar produk-produk itu.

Pertumbuhan yang kekal abadi amat penting untuk syarikat, maka dengan itu masyarakat moden mesti bertukar menjadi sebuah masyarakat yang kekal abadi. Syarikat bergerak maju ke hadapan dan mengamalkan apa yang mereka boleh hingga ke penghujungnya, dan ini adalah makna CSR yang sebenar. Memberi sumbangan dengan cara itu adalah amat penting, dan ini merupakan peranan "Kreativiti" dalam moto syarikat. Pembinaan hubungan baru dengan pemegang amanah harta dan sumbangan untuk mengurangkan kesan alam sekitar menerusi pembaharuan teknikal – perkara-perkara seumpama ini diperlukan untuk melompat naik ke CSR yang lebih maju di masa akan datang. Sila kembali semula ke titik permulaan dan mengadakan perbincangan di dalam syarikat mengenai masyarakat yang bagaimana merupakan masyarakat yang kekal abadi. Saya benar-benar berharap syarikat akan memuncak tinggi menjalankan kegiatan CSR yang lebih penting, berkongsi dengan terang dan nyata wawasan sosial seperti ini.

## Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Laporan 2012 adalah pertama kali, kami menerima pendapat pihak ketiga. Kami akan meneliti pendapat Encik Tada dengan serius dan bergerak maju ke hadapan bersama pengurusan CSR.

Saya rasa taklimat CSR yang diadakan di dalam dan di luar negara Jepun merupakan peluang-peluang penting untuk berkongsi kesedaran berkaitan dengan moto syarikat dan juga sikap dan motivasi terhadap CSR. Ramai yang mengharapkan supaya pertemuan seumpama ini diadakan secara rutin, dan kami akan mempertimbangkannya agar amalan ini dapat kekal terus diadakan di masa akan datang.

Seperti yang dijelaskan oleh Encik Tada, kami akan berusaha untuk menyampaikan pemikiran CSR dan daya

usaha kami, lebih-lebih lagi apabila berkomunikasi dengan pemegang saham dan para pelabur.

Dan lagi, mengemukakan isu alam sekitar adalah penting dalam usaha memburu keabadian sosial. Kami akan menyatakan matlamat yang jelas dan berusaha ke arah itu dan akan bergerak maju ke hadapan membina produk mesra alam sekitar, yang merupakan CSR yang proaktif, mengendalikannya menerusi perniagaan teras kami. Kami juga akan berusaha berhubung dengan proses tersebut.

Kumpulan Lintec akan terus mengamalkan kegiatan-kegiatan CSR yang sudah berakar umbi di dalam moto syarikat kami "Keikhlasan dan Kreativiti", dalam usaha membantu membina sebuah masyarakat yang kekal abadi.

**Akihiko Ouchi**  
President and CEO

## Catatan tambahan penyunting


Bahagian Tajuk Istimewa tahun ini memfokuskan pada taklimat-taklimat CSR yang diadakan di kumpulan syarikat di luar negara Jepun. Pada mulanya kami berasa bimbang, bagaimana kawan sekerja kami di negara yang berbeza, dengan bahasa yang berbeza, akan menerima moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti", dan juga CSR, tetapi semua peserta mendengar dengan mata yang bersina-sinar. Kelihatannya susah untuk menyatakan "sepenuh hati" dan "bertimbang rasa" di dalam bahasa Jepun ke dalam bahasa lain, tetapi kami dapat rasakan kalau pun perkataan tersebut tidak difahami, tetapi apa yang dirasakan dapat disampaikan. Penduduk tempatan yang paling tahu situasi tempat masing-masing. Dan kami akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan kegiatan sukarela CSR dijalankan di setiap tempat dengan semangat moto syarikat.

Pejabat Pengurusan CSR



"Laporan CSR 2012" ahli-ahli projek pengeluaran

Lintec mencipta pelbagai produk dalam berbagai bidang yang luas, termasuk bahan pelekat dan alat-alat yang berkaitan, kertas khas dan kertas pelepas dan filem. Produk syarikat memainkan peranan yang aktif di dalam semua lapangan kehidupan.



### Gambaran keseluruhan syarikat (mulai 31hb Mac 2012)

Nama Syarikat	LINTEC Corporation
Ibu pejabat	23-23, Honcho, Itabashi-ku, Tokyo 173-0001, Japan <a href="http://www.lintec-global.com/">http://www.lintec-global.com/</a>
Laman sawang	
Ditubuhkan	Oktober 1934
Modal	23.2 bilion yen
Senarai Saham	Bursa Saham Tokyo, Kod Sekuriti seksyen pertama: 7966
Tempoh tahun fiskal	Setiap tahun mulai 1hb April hingga tahun berikutnya 31hb Mac
Wakil	Akihiko Ouchi, President and CEO
Jumlah pekerja	Digabungkan: 4 286 orang Tidak digabungkan: 2 564 orang
Tempat	Pejabat-pejabat jualan: Itabashi (Tokyo), Sapporo, Sendai, Hokuriku (Wilayah Toyama), Shizuoka, Nagoya, Osaka, Hiroshima, Shikoku (Wilayah Ehime), Fukuoka dan Kumamoto Tempat-tempat pengeluaran: Agatsuma (Wilayah Gunma), Kumagaya (Wilayah Saitama), Ina (Wilayah Saitama), Chiba, Tatsumo (Wilayah Hyogo), Shingu (Wilayah Hyogo), Komatsushima (Wilayah Tokushima), Mishima (Wilayah Ehime), Doi (Wilayah Ehime), dan Niihama (Wilayah Ehime)

Subsidiari	Kemudahan R&D: Pusat Penyelidikan (Wilayah Saitama) Pejabat luar negeri: Shanghai, China
Aktiviti-aktiviti perniagaan	Digabungkan: 4 buah syarikat di Jepun, 19 buah syarikat di luar Jepun Tidak digabungkan: 5 buah syarikat di Jepun, 5 buah syarikat di luar Jepun
Jualan	Pembinaan, pembuatan dan penjualan produk pelekat (kertas pelekat dan filem untuk bahan tera dan label, filem grafik, filem window, pita pembuatan semi-konduktor, filem kegunaan optik dan produk penjagaan kesihatan, dll), kertas khas, (kertas sampul surat berwarna, kertas berwarna, kertas kegunaan tertentu, dll), bahan-bahan memproses (kertas pelepas, filem pelepas, kertas acuan untuk kulit tiruan, kertas acuan untuk bahan komposit gentian karbon, dll) dan alat-alat berkaitan dengan pelekat (mesin pencetak label, mesin pelabel, alat-alat untuk pembuatan semi-konduktor, dll)
(tahun fiskal 2011)	Digabungkan: 200.9 bilion yen Tidak digabungkan: 162.2 bilion yen
Pendapatan pengendalian	Digabungkan: 14.0 bilion yen Tidak digabungkan: 7.4 bilion yen



Untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci berhubung dengan kewangan, sila lihat bahagian Hubungan Pelabur Laman sawang Lintec di <http://www.lintec-global.com/ir/>